

# UMS anjur persidangan antarabangsa Sains Makanan, Pemakanan

Um 28.03.2012 26

KOTA KINABALU 27 Mac - Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan akan menganjurkan Persidangan Antarabangsa Sains Makanan dan Pemakanan 2012 (ICFSN 2012) selama tiga hari bermula 2 April ini.

UMS dalam satu kenyataannya berkata, persidangan bertemakan 'Sumber Tradisional: Pendekatan Saintifik Terhadap Makanan Berkualiti' itu akan diadakan di Pacific Sutera Hotel di sini.

Katanya, ia bakal membincang-

kan empat tajuk utama iaitu Produk Semula Jadi dan Pemprosesan Makanan Inovatif, Keselamatan dan Kualiti Makanan, Pemakanan dan Keselamatan Makanan serta Antropologi dan Gastronomi Makanan.

"Antara lain ia bertujuan menyediakan platform perkongsian maklumat terkini dalam bidang sains dan teknologi makanan, pemakanan serta pengurusan perkhidmatan makanan melalui penekanan kepada idea-idea baru dan kaedah-kaedah inovatif untuk penja-

naan kesihatan dan kekayaan," katanya di sini hari ini.

Menurutnya, sesi ucap tamsil dan plenari persidangan itu akan disampaikan oleh pakar-pakar terkemuka dari dalam dan luar negara, termasuk Presiden Kesatuan Antarabangsa bagi Sains Makanan dan Teknologi (IUFoST), Prof. Geoffrey Campbell-Platt dari United Kingdom.

Selain itu katanya, pakar pemakanan lain yang dijemput ialah Prof. Daryl Lund (Amerika Syarikat), Prof. Rickey Yada (Kanada), Prof. Aman

Wirakartakusumah (Indonesia), Dr. Dave Pooch (New Zealand) serta tiga dari Malaysia, Noraini Mohd. Othman, Dr. Rajeev Bhat dan Prof. Saleem Mustafa.

Katanya, seramai 311 peserta telah mengesahkan kehadiran yang terdiri daripada 192 orang peserta Malaysia dan 119 peserta luar negara seperti Australia, New Zealand, Amerika Syarikat, United Kingdom, Jerman, Austria, Korea, China, Hong Kong, Taiwan dan beberapa buah negara dari benua Afrika dan negara Timur Tengah.